



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
BAHAGIAN KASTAM, ARAS 4 UTARA,
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 3, PERSIARAN PERDANA,
PRECINT 2,
62596 PUTRAJAYA.

No. Tel : 03-8882 2649/
03-8882 2645
No. Fax : 03-8889 8881/
03-8889 8966

SEGERA

Rujukan : KE.HE(44)462/08-1kt.3(60)
Tarikh : 18 Mac 2010

Senarai Edaran seperti di Lampiran I

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SATU KOD AGEN PERKAPALAN

Adalah saya diarah dengan segala hormatnya merujuk kepada surat kami rujukan KE. HE. (44)001/03KIt.3(58) bertarikh 22 Disember 2009.

2. Di maklumkan bahawa pelaksanaan satu agen kod perkapalan yang berkuatkuasa pada 01 Mac 2010 adalah di tunda kepada **15 April 2010**. Penundaan tarikh tersebut dibuat berdasarkan maklum balas pelanggan dan keperluan Jabatan bagi membolehkan pelaksanaan satu kod agen perkapalan yang lebih terurus dan mantap.

3. Pelaksanaan Satu Agen Kod perkapalan bermakna, syarikat-syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan hanya akan menggunakan Kod Induk iaitu Kod Cawangan Utama sahaja bagi menggantikan kod-kod cawangan lain. Kod Induk ini akan digunakan untuk semua transaksi sebagai satu kod agen perkapalan.

4. Sehubungan itu, pihak agen perkapalan yang mempunyai cawangan perlu mengambil tindakan untuk proses migrasi kepada kod induk bermula pada 15 April 2010 sehingga 30 Jun 2010. Dalam tempoh 15 April 2010 hingga 30 Jun 2010, pihak agen perkapalan boleh menggunakan kod induk atau kod cawangan tetapi sebagai langkah interim pihak agen perkapalan digalakkan mengguna kod induk. Jika ada sebarang isu-isu berbangkit dalam tempoh ini, pihak


agen perkapalan boleh memaklumkan kepada JKDM. Validasi penggunaan kod induk akan berkuatkuasa pada 01 Julai 2010 dan penggunaan kod agen perkapalan selain daripada kod induk akan ditolak oleh SMK.

5. Bersama ini disertakan soalan-soalan lazim bagi tujuan penjelasan kepada pelaksanaan satu kod agen perkapalan seperti dilampirkan.
6. Kerjasama pihak tuan/puan berhubung dengan perkara diatas disusuli dengan ucapan terimakasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menurut Perintah



(SYED MOHRI BIN SYED ABU BAKAR)

Bahagian Kastam,
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Putrajaya
b.p. Ketua Pengarah Kastam
Malaysia.


- s.k. Ketua Pengarah Kastam
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Kastam & Cukai Dalam Negeri)
Ph(K)
Semua Pengarah Kastam Negeri

Tim Pgh(CTM)
Ibu Pejabat
Putrajaya

Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5, The Iltizam Bangsar
South, No.8, Jln Kerinci
5920 Kuala Lumpur
Fax : 03 - 42713 2121
(Up : Encik Abdul Khalil Abdullah)

2010

Satu Kod Agen Perkapalan (SKAP)



2/10/2010



Satu Kod Agen Perkapalan (SKAP)

1. Apakah Satu Kod Agen Perkapalan (SKAP) ?

Satu Kod Agen Perkapalan merupakan satu dimensi baru yang diilhamkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebagai satu usaha penambaihan pengurusan dan pentadbiran syarikat agen perkapalan di dalam negara. Pelaksanaan satu kod bermakna, syarikat agen perkapalan yang mempunyai cawangan hanya akan menggunakan *Kod Induk*.

2. Apakah dimaksudkan dengan Kod Induk ?

Kod Induk ialah ialah kod agen perkapalan yang berdaftar dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK) di mana kod tersebut adalah kod yang digunakan oleh cawangan utama (*main branch*).

Contohnya: syarikat agen perkapalan XYZ mempunyai cawangan utama (*main branch*) di Pelabuhan Klang dan kod agennya ialah BS1234. Syarikat agen perkapalan XYZ juga mempunyai cawangannya di Pelabuhan Kuantan dan kod agennya ialah CS1234. Maka kod induknya ialah BS1234.

3. Apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh melalui Satu Kod Agen Perkapalan (SKAP) ?

Faedah-faedah yang diperolehi oleh syarikat agen perkapalan ialah menjimatkan kos operasi dan pentadbiran serta meningkatkan produktiviti syarikat.

4. Apa kah kod induk yang di gunapakai sekiranya agen perkapalan tersebut tidak mempunyai cawangan ?

Kod induk yang perlu digunakan adalah kod agen perkapalan yang sedia ada.

5. Bilakan SKAP akan dilaksanakan ?

SKAP akan dilaksanakan bermula 15 April 2010.

6. Apakah yang akan terjadi kepada kod agen perkapalan di cawangan selain daripada cawangan utama apabila SKAP dilaksanakan?

Sebaik sahaja SKAP dilaksanakan pada 15 April 2010, pihak agen perkapalan masih boleh menggunakan kod yang sedia ada. Walau bagaimanapun syarikat agen perkapalan digalakkan mengguna kod induk. Penggunaan kod (cawangan) selain daripada kod induk dibenarkan sehingga 30 Jun 2010.

Bermula 01 Julai 2010, penggunaan kod agen perkapalan selain daripada kod induk akan ditolak oleh SMK.

7. Apakah langkah-langkah persediaan yang perlu diambil oleh syarikat agen perkapalan sebelum 01 Julai 2010?

Pihak agen perkapalan perlu membuat persediaan seperti berikut:-

- i. Pihak agen perkapalan yang mempunyai cawangan perlu mengambil tindakan untuk proses migrasi kepada kod induk bermula pada 15 April 2010 sehingga 30 Jun 2010.
- ii. Pihak agen perkapalan hendaklah memaklumkan kepada semua pelanggannya terutama *Freight Forwarders and Forwarding Agents*.

8. Bolehkah syarikat agen perkapalan membuat perikraran manifest (elektronik /manual) dimana –mana pelabuhan atau stesen kastam dengan menggunakan kod Induk ?

Boleh. Kod induk boleh digunakan dimana-mana pelabuhan atau stesen kastam mulai 15 April 2010.

9. Perlukan syarikat agen perkapalan mendaftarkan kod induk ini di negeri – negeri di mana cawangan syarikat agen perkapalan beroperasi ?

Tidak perlu.

10. Sekira syarikat agen perkapalan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan SKAP, sila berhubung dengan pegawai-pegawai berikut seperti dibawah ini

- i. **Tuan Hj, Ismail bin Rahman**
Penolong Kanan Pengarah Kastam
Bahagian Kastam Aras 4 Utara
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
62590 Putrajaya
Tel : 03-8882 2662
Faks: 03-8889 5866
Email: ismail.rahman@customs.gov.my

- ii. **Tuan Zaily bin Ayub**
Penolong Pengarah Kastam
Bahagian Kastam Aras 4 Utara
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
62590 Putrajaya
Tel : 03-8882 2898
Faks: 03-8889 5866
Email: zaily.ayub@customs.gov.my